

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK KERTAS CADANGAN	:	Lantikan Pembekal Bagi Membuat Hebahan 'Booster' & Bahan Media di dalam Media Sosial MPC Berhubung <i>Readiness Assessment</i> (RA) dan Teknologi Industri 4.0 (IR4.0)
OBJEKTIF PROGRAM	:	i. Menyebarluaskan promosi dan hebahan mengenai pendedahan kepentingan Teknologi Industri 4.0 (IR4.0). ii. Outreach hebahan lebih besar kepada lapisan masyarakat melalui media sosial. iii. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mendapat pendedahan Teknologi Industri 4.0 (IR4.0) dengan lebih cepat dan bersedia dalam meningkatkan kecekapan syarikat.
TARIKH DAN TEMPAT PROGRAM	:	Bulan November – Disember 2020
BAJET	:	MPB-T5
PESERTA	:	Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS)
OUTPUT	:	Peningkatan permohonan daripada syarikat PKS (Bumiputera) di seluruh Malaysia
KOS TERLIBAT	:	RM19,900.00
JABATAN/BAHAGIAN/UNIT	:	OED/RM (Industry4WRD)
KOMEN/TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN/TANDATANGAN PENGURUS UNIT PEROLEHAN	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN

1.0. TUJUAN

Kertas cadangan ini bertujuan untuk memaklumkan Lembaga Pengurusan MPC bagi Lantikan Pembekal Bagi Membuat Hebahan 'Booster' & Bahan Media di dalam Media Sosial MPC Berhubung Readiness Assessment (RA) dan Teknologi Industri 4.0 (IR4.0)

2.0. LATAR BELAKANG

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah diberi mandat untuk menjadi sekretariat *Industry4WRD Readiness Assessment* (RA) untuk membantu 950 buah syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) beralih kepada teknologi industri 4.0 bermula dari tahun 2019 (500 PKS) sehingga 2020 (450 PKS).

Program *Industry4WRD Readiness Assessment* (RA) adalah program yang komprehensif untuk membantu syarikat menilai keupayaan serta kesediaan bagi menggunakan teknologi dan proses Industri 4.0

Untuk memastikan PKS berpengetahuan dan siap siaga bagi melaksanakan transformasi ke arah Industri 4.0 beberapa sesi Perundingan Secara Online dicadangkan untuk dijalankan.

3.0 OBJEKTIF LANTIKAN PEMBEKAL

- i. Menyebarluaskan promosi dan hebahan mengenai pendedahan kepentingan Teknologi Industri 4.0 (IR4.0).
- ii. Outreach hebahan lebih besar kepada lapisan masyarakat melalui media sosial.
- iii. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mendapat pendedahan Teknologi Industri 4.0 (IR4.0) dengan lebih cepat dan bersedia dalam meningkatkan kecekapan syarikat

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

Berikut adalah beberapa keadah serta skop pelaksanaan bagi memastikan hebahan 'booster' dan bahan media seperti video, poster & e-infografik di dalam media sosial berjalan dengan lancar:

- i. Menyediakan beberapa video pendek dan poster berhubung Teknologi Industri 4.0 (IR4.0) dan juga *Readiness Assessment* (RA).
- ii. Video pendek dan poster berkenaan akan dihebahkan melalui media sosial MPC iaitu Facebook berdasarkan kepada sasaran kumpulan yang ditetapkan.
- iii. Sasaran 'reach' akan ditetapkan sehingga 500,000 pelayar media sosial menerima hebahan video pendek & poster yang dibuat.
- iv. Menyediakan laporan penuh berhubung kaedah yang dijalankan bagi melihat keberkesanan aktiviti yang dijalankan.

Aggggaran kos yang terlibat dalam lantikan pembekal ini adalah sebanyak **RM19,900.00** di mana ianya berdasarkan kepada skop yang dinyatakan di atas.

6.0 PENUTUP

Pihak Lembaga Pengurusan MPC (BOM) adalah dipohon agar dapat meluluskan kertas cadangan Lantikan Pembekal Bagi Membuat Hebahan 'Booster' dan Bahan Media di dalam Media Sosial MPC Berhubung *Readiness Assessment* (RA) dan Teknologi Industri 4.0 (IR4.0) dengan kos yang terlibat sebanyak RM19,900.00.

DISEDIAKAN OLEH



Mohd Khairul Nazir Nawi
11 November 2020

DISEMAK OLEH



Saliza Saari
11 November 2020